

# ILMU lahirkan program pengajian perguruan STEP

Oleh HISYAMUDDIN AYUB

**PROFESION** seorang guru sememangnya mencabar dan bukan satu pekerjaan yang mudah untuk dipikul sekiranya tidak mempunyai tahap kesabaran tinggi.

Pada era ini, bukan sahaja bebanan tugas yang digalas oleh seorang pendidik semakin bertambah malah persediaan menjadi seorang guru perlu ada dalam diri individu tersebut untuk memikul amanah berat itu.

Melahirkan tenaga pengajar yang mahir juga bukan satu tugas mudah kerana pelbagai perkara asas perlu ada dalam diri individu tersebut.

Jika ingin memenuhi kehendak pasaran kerjaya pendidik yang semakin mencabar pada masa ini, pusat pengajian tinggi perlu bersiap sedia dalam melahirkan graduan-graduan terbaik bagi mengisi keperluan kerjaya sedia ada.

Malah situasi menjadi semakin mencabar apabila berusaha membentuk golongan pendidik yang mempunyai tahap pemikiran tinggi dan profesional bagi ditempatkan di sekolah swasta dan antarabangsa.

Untuk menangani cabaran bagi menzahirkan golongan pendidik tempatan yang boleh memenuhi keperluan dan kehendak tinggi untuk mengajar di sekolah-sekolah tersebut, usaha pemantapan bakal guru perlu dipergiatkan.


Meyakini kebolehan anak tempatan yang mempunyai kualiti terbaik untuk menjadi seorang pendidik hebat, Kumpulan Pendidikan ILMU (ILMU) bersama Universiti Antarabangsa UNITAR (UNITAR), Asia Pacific Schools (APS) dan Tenby Schools (Tenby) bergabung tenaga dalam merealisasikan penghasilan kumpulan guru terbaik dari negara ini.

ILMU yang merupakan kumpulan pendidikan swasta terbesar di Malaysia bertekad melahirkan graduan-graduan berkebolehan tinggi untuk mengajar di sekolah swasta dan antarabangsa.

Untuk itu, satu Program Strategik Pendidikan Guru (STEP atau *Strategic Teacher Education Programme*) telah dibangunkan oleh ILMU bersama rakan strategik tersebut.

UNITAR, APS serta Tenby adalah tergolong dalam portfolio institusi pendidikan ILMU di bawah Ekuini Nasional Berhad (Ekuinas) yang melibatkan tahap K-12 iaitu peringkat pembelajaran pendidikan awal, rendah serta menengah, selain meliputi peringkat pengajian tinggi.

STEP merupakan program pertama yang dibangunkan oleh sektor pengajian tinggi swasta Malaysia bertujuan menyediakan pendidikan guru untuk jangka masa panjang.



NINA ADLAN DISNEY dan Dr. Sakina Sofia Baharom ketika majlis penerangan media berhubung STEP di Kuala Lumpur.

Penubuhan itu berlandaskan kepada prinsip ILMU iaitu Pembelajaran Dunia Sebenar.

Program tersebut mengintegrasikan modul pengetahuan dan amalan latihan semasa, selain memupuk bakat-bakat yang dimiliki anak tempatan untuk menjadi kumpulan pendidik hebat.

Malah dalam masa yang sama, usaha ini diharapkan dapat memenuhi permintaan dan kehendak pasaran semasa yang menginginkan guru-guru berkualiti bagi mengajar di sekolah swasta atau antarabangsa.

Berpusat di UNITAR, STEP dijangka menarik minat pelajar lepasan sekolah yang memperoleh keputusan cemerlang sekurang-kurangnya 6A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan bersemangat mengejar cita-cita sebagai pendidik.

Selain mengambil jurusan yang mempunyai permintaan tinggi, graduan juga mampu memperoleh kerjaya memuaskan serta menawarkan keseimbangan dalam kerja dan kehidupan berkeluarga.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan ILMU, Amil Izham Hamzah berkata, program itu juga mampu untuk menarik

minat golongan profesional berpengalaman untuk turut sama menyertai program yang sangat menarik tersebut.

Katanya, dengan memperkenalkan STEP, ILMU menyasarkan sektor perguruan sebagai kerjaya pilihan kepada seluruh lapisan masyarakat terutama anak-anak muda lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memperoleh keputusan cemerlang.

Menurutnya, STEP juga platform terbaik buat kumpulan profesional yang ingin menukar kerjaya dan memilih kerjaya guru sebagai penyumbang bakti kepada negara.

"Mengajar adalah kerjaya yang memberi kepuasan, malah satu kerjaya yang mulia dalam membentuk masa depan anak-anak. Selain itu, STEP dilihat mampu memberi ruang dalam perkembangan kerjaya dan peribadi," katanya yang ditemui sempena majlis penerangan media berhubung STEP, di sini, baru-baru ini.

Yang hadir sama pada majlis itu, Naib Canselor UNITAR, Prof. Madya Dr. Sakina Sofia Baharom dan Ketua Pegawai Eksekutif APS yang merangkumi Asia Pacific International School (APIS) dan Asia Pacific Smart School (APSS), Nina Adlan Disney.

Mengulas lanjut, Amil berkata, penubuhan STEP diharap berupaya membekalkan kumpulan pendidik yang berkemahiran tinggi bagi memenuhi permintaan semasa daripada sekolah swasta dan antarabangsa di dalam negara.

Jelasnya, menerusi portfolio institusi ILMU yang pelbagai dan merangkumi K-12 sehingga ke peringkat pendidikan tinggi, pihaknya memiliki perspektif yang luas terhadap pasaran.

Menurutnya, penawaran dan permintaan pasaran tersebut melibatkan penghasilan guru-guru berkualiti di negara ini.

Sehubungan itu katanya, ILMU mampu manfaatkan sinergi dan wawasan antara institusi di bawah Kumpulan, seterusnya memupuk bakat-bakat guru tempatan setanding kumpulan guru dari luar negara.


"Walaupun usaha ini bermula dengan institusi kami sendiri, kami berharap STEP akan memberi manfaat besar kepada sektor pendidikan swasta di Malaysia," katanya.

STEP adalah satu daripada inisiatif strategik di ILMU ke arah mencapai hasrat

Ekuinas yang telah membentuk ILMU untuk menjadi penanda aras baharu dalam industri pendidikan semasa. Ia selaras dengan mandat Ekuinas untuk membantu syarikat-syarikat tempatan menjadi peneraju program.

Sebahagian daripada inisiatif STEP, ILMU menawarkan lima biasiswa kepada lepasan SPM yang cemerlang iaitu berjumlah RM100,000 setiap seorang, termasuk yuran kursus pendidikan, eluan sara diri dan penginapan.

Mereka yang berminat boleh melayari laman sesawang ILMU - [www.ilmu.edu.com](http://www.ilmu.edu.com)



Dengan memperkenalkan STEP, ILMU menyasarkan sektor perguruan sebagai kerjaya pilihan kepada seluruh lapisan masyarakat terutama anak-anak muda lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memperoleh keputusan cemerlang."

**AMIL IZHAM HAMZAH**  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pendidikan ILMU

